

D672

U B584 AAB
PILIHAN RAYA - MAHATHIR R R R R R

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN PEMBUBARAN PARLIMEN DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI, KECUALI DI SABAH DAN SARAWAK, DENGAN KEYAKINAN BAHAWA BARISAN NASIONAL AKAN MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PERTIGA KERUSI PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEMENANGAN DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA ITU PENTING UNTUK MENJAMIN KEDUDUKAN KERAJAAN YANG KUKUH DAN MENGELAKKAN PERGOLAKAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA.

KATANYA, BERIKUTAN PEMBUBARAN PARLIMEN, BELIAU AKAN MENASIHATI MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI DI NEGERI-NEGERI DI SEMENANJUNG UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA UNTUK MEMBUBARKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PADA TARIKH YANG SAMA BAGI MEMBOLEHKAN PILIHAN RAYA UMUM DIJALANKAN SERENTAK.

MENGENAI TARIKH DAN URUSAN PILIHAN RAYA UMUM, BELIAU BERKATA, TERSERAHLAH KEPADA SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR) UNTUK MENENTUKANNYA MENGIKUT PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG, ATURAN SERTA PERATURAN BAGI URUSAN PILIHAN RAYA. -- LAGI.

1840MST 04 10 90

D689

U B597 AAB
PILIHAN RAYA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH SEBELUM SERI PADUKA BERANGKAT KE LUAR NEGERI.

YANG DI-PERTUAN AGONG KINI DI BEIJING, CHINA UNTUK LAWATAN TIDAK RASMI.

MENGENAI PERUNTUKAN KERUSI ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SELAIN SEDIKIT PERUBAHAN YANG AKAN DIBERITAHU KELAK, PEMBAHAGIAN KERUSI YANG SEDIA ADA AKAN DIKEKALKAN.

KATANYA, BN JUGA BELUM MENYIAPKAN SENARAI MUKTAMAD CALONNYA TETAPI, TAMBAHNYA, TIDAK BANYAK PERUBAHAN DIJANGKA BERLAKU. -- LAGI.
1908MST 04 10 90

D693

U B601 AAB
PILIHAN RAYA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

+KITA TIDAK GUGURKAN ORANG SEMATA-MATA KERANA HENDAK GUGURKAN ORANG. KALAU DIA MASIH BERKEUPAYAAN, KITA AKAN KEKALKAN (CALON),+ KATA BELIAU.

APABILA DITANYA MENGENAI TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA, PERDANA MENTERI BERKATA ITU TERPULANG KEPADA SPR, SAMBIL MENAMBAH: +MENGIKUT PERATURAN, TEMPOH KEMPEN IALAH ANTARA TUJUH ATAU LAPAN HARI SEHINGGA ENAM MINGGU.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TETAP AKAN MELAWAT SABAH DAN SARAWAK, TETAPI TIDAK PADA TARIKH YANG DIJADUALKAN SEBELUM INI.

KEPADA SOALAN LAIN, BELIAU BERKATA EKORAN PEMBUBARAN PARLIMEN, SECARA AUTOMATIK PEMBENTANGAN BELANJAWAN NEGARA 1991 AKAN DITANGGUHKAN SEHINGGA PARLIMEN BERSIDANG SEMULA SELEPAS PILIHAN RAYA.

+WALAUPUN KITA MEMPUNYAI SATU BELANJAWAN YANG PADA PENDAPAT SAYA AMAT MENARIK DAN BOLEH MENOLONG MEMPOPULARKAN KERAJAAN, KITA TERPAKSA TANGGUH PEMBENTANGAN BELANJAWAN ITU KERANA TIDAK ADA PARLIMEN,+ KATANYA. -- LAGI.

1915MST 04 10 90

PILIHAN RAYA - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR R'R'R'

MENURUTNYA, SOAL PENANGGUHAN PEMBENTANGAN BELANJAWAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN KERANA +KITA MEMPUNYAI WANG YANG CUKUP SEHINGGA AKHIR TAHUN.+

BELIAU MENAMBAH KATA, PERBELANJAAN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN JUGA TIDAK AKAN TERJEJAS KERANA PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI PROJEK-PROJEK TERSEBUT TELAH PUN DILULUSKAN SEBELUM INI.

MENGENAI MESYUARAT HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA BERTUJUAN MEMAKLUMKAN KEPADA PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN MENGENAI PERSIAPAN PILIHAN RAYA UMUM DAN MENCAPAI PERSETUJUAN MENGENAI MANIFESTO BN.

SELAIN DARIPADA DATUK SERI DR MAHATHIR, MESYUARAT ITU TURUT DIHADIRI OLEH TIMBALANNYA, ENCIK GHAFAR BABA, SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT, KESEMUA PRESIDEN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN KECUALI MIC DAN PARTI GERAKAN YANG DIWAKILI OLEH SETIAUSAHA AGUNG PARTI MASING-MASING. -- BERNAMA.

1923MST 04 10 90

D700

U B606 AAB
PARTI-KEDUDUKAN RRR

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- BERIKUTAN INI IALAH KEDUDUKAN MAS AKINI PARTI-PARTI DI DEWAN RAKYAT YANG AKAN DIBUBARKAN ESOK:

BARISAN NASIONAL:

.	UMNO	--	73
.	MCA	--	17
.	MIC	--	5
.	GERAKAN	--	5
.	PBB	--	7
.	SUPP	--	4
.	SNAP	--	4
.	PBDS	--	4
.	PBS	--	9
.	USNO	--	5

JUMLAH 133

PEMBANGKANG:

.	DAP	--	24
.	SEMANGAT 460	--	12
.	PAS	--	1
.	BEBAS/PARTI-PARTI LAIN	--	7

JUMLAH 44

(DEWAN RAKYAT MEMPUNYAI 177 KERUSI SEBELUM PEMBUBARAN. DEWAN YANG BARU AKAN MEMPUNYAI 180 KERUSI DENGAN TAMBAHAN TIGA KERUSI DI SARAWAK)